

08 APR 1997

DR MAHATHIR MENERIMA ANUGERAH KEDUA TERTINGGI BAHRAIN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

MANAMA, 8 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima anugerah kedua tertinggi Bahrain, "Ahmad Al-Fatah" sebagai menghargai usaha beliau memperkukuhkan hubungan persaudaraan Islam.

Anugerah itu disampaikan oleh Emir Bahrain Shaikh Isa Salman Al-Khalifa pada satu upacara yang dihadiri oleh orang kenamaan negara dan asing di Istana Shaikh Hamad, di sini malam tadi.

Dr Mahathir sebelumnya diraikan oleh Emir Bahrain pada majlis jamuan negara.

yang turut hadir pada upacara itu ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar.

Anugerah itu biasanya diberikan kepada ketua kerajaan dan putera mahkota.

Dr Mahathir tiba di sini semalam dari Kuwait.

Di Kuwait, Dr Mahathir dianugerahkan pingat Mubarakh Al-Kabir. Bulan lepas Perdana Menteri berada di Riyadh untuk menerima Anugerah Raja Faisal daripada kerajaan Arab Saudi. -- BERNAMA

ARA FAZ